

# **PROGRAM PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI BERSAMA RAKYAT**

**Oleh: Che Zulzikrami Azner Abidin & Razi Ahmad  
Jurutera Pengajar**

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telah menganjurkan Program Pendidikan KPT Bersama Rakyat 2007 bermula daripada bulan Januari hingga Mac 2007 yang terbahagi kepada lima zon di seluruh Malaysia. Semua IPTA telah mengambil bahagian dalam mengadakan promosi dan juga penerangan mengenai program-program yang ditawarkan dengan sasaran utamanya ialah pelajar sekolah menengah. Selain itu bersempena dengan penjenamaan semula semua kolej universiti kepada universiti penuh pada 1 Februari 2007, nama baru semua kolej universiti telah diperkenalkan yang mana turut melibatkan pertukaran nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Jurutera pengajar PPKAS telah terlibat dengan program tersebut iaitu Encik Che Zulzikrami Azner Abidin di Shah Alam, Selangor pada 2 hingga 4 Februari 2007 dan Encik Razi Ahmad di Kota Kinabalu, Sabah pada 9 hingga 11 Februari 2007. Diantara aktiviti-aktiviti yang diadakan ialah pameran daripada setiap IPTA serta sesi forum dan perbincangan yang berkaitan. Melalui program berbentuk sebegini, adalah diharapkan memangkin usaha UniMAP dalam memartabatkan namanya sebagai sebuah institusi pengajian kejuruteraan di peringkat tinggi nasional dan mahupun global.